

# Dr M dahului penerima darjah

## Seramai 255 terima bintang, pingat julung kali sempena Hari Wilayah Persekutuan

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mendahului senarai 255 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat Wilayah Persekutuan 2008 yang julung kali diadakan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan.


Dr Mahathir menerima darjah kebesaran Seri Utania Mahkota Wilayah (SUMW) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama daripada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di Istana Negara di sini hari ini.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang juga bekas Menteri Wilayah Persekutuan turut menerima darjah kebesaran yang sama.

Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman yang kini Presiden Perbadanan Putrajaya, adalah antara enam penerima darjah kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Penerima lain ialah bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar dan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Tan Sri Zainol Mahmood.

Turut menerima Ketua Umno Titiwangsa, Datuk Dr Suleiman Mohamed yang juga bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Pengarah Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ramli Sha'ari



**Kamal Khalid dapat PMW**



**Mhd Amin Nordin dikurniakan PMW**



**Yew Teong Look dianugerah PMW**



**Fauziah Bachik terima PMW**

dan Timbalan Pahlawan Tentera Udara, Lt Jen Bashir Abu Bakar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Yew Teong Look adalah antara 20 penerima darjah kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk.

Penerima lain terdiri daripada Timbalan Pengerusi Umno Wilayah Persekutuan, Senator Datuk Kamarudin Ambok; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Wilayah Persekutuan, Fauziah Bachik; Ketua Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara, Hanipah Farikullah; Ketua Unit Komunikasi Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kamal Khalid; Pre-

siden Majlis Kebangsaan Persatuan-persatuan Warga Kanan Malaysia, Lum Kin Tuck @ Lum Kum Tuck.

Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Mhd Amin Nordin Abdul Aziz; Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Noordin Abdul Razak yang juga bekas Ketua Pengarah DBKL; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nor Hayati Sulaiman.

Presiden Persatuan Bawean Malaysia, Datuk Dr Othman Mahwan; Pegawai Memerintah Hospital Ang-

katan Tentera Kem Terendak, Brig Jen Dr Chia Lip Meng; Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Khas, PDRM SAC, Akhil Bulat.

Ahli Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Rasammah Naomi Bhupalan Rajendram; Perigarah Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya, Shahoran Johan Ariffin; Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Yunus KurUs; Pengarah M/S Ataria Otomobil Sdn Bhd, Richard Cham Hak Lim; Felo Institut Pengajian Antarabangsa dan Strategik (ISIS), Yaacob Wan Ibrahim; Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Selveraj Arokiam; pa-

kar perunding kanan Selangor Medical Centre, Dr Zulkiili Ismail dan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Dr Vincent Lim Kian Tick.

Seramai 33 dianugerahkan pingat Johan Mahkota Wilayah (JMW), 61 pingat Kesatria Mahkota Wilayah (KMW), 77 Ahli Mahkota Wilayah (AMW) dan 57 Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW).

Antara yang menerima JMW termasuk Naib Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan, Ahmad Zuhri Idris; Ketua Puteri Umno Wilayah Persekutuan, Azlinda Mohd Rashad dan Pengerusi Parti Progresif Penduduk (PPP) Wilayah Persekutuan, A Chandrakumanan. - Bernama